



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)

[www.ijepec.com](http://www.ijepec.com)



PENGHAYATAN AKHLAK DALAM KALANGAN PELAJAR  
KAA DI KOTA KINABALU, SABAH: SUATU ANALISIS  
DESKRIPTIF

*MORAL APPRECIATION AMONG KAA STUDENTS IN KOTA KINABALU,  
SABAH: A DESCRIPTIVE ANALYSIS*

Salmah S. Hassan<sup>1</sup>, Norsimah Dasan<sup>2\*</sup> & Issraq Ramli<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah.

Email: salmahshassan@ums.edu.my

<sup>2</sup> Fakulti Psikologi dan Kerja Sosial, Universiti Malaysia Sabah.

Email: norsimahdasan@ums.edu.my

<sup>3</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah

Email: issraq@edu.ums.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 30.07.2024

Revised date: 08.08.2024

Accepted date: 25.09.2024

Published date: 30.09.2024

**To cite this document:**

Hassan, S.S., Dasan, N., & Ramli, I. (2024). Penghayatan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar KAA Di Kota Kinabalu, Sabah: Suatu Analisis Deskriptif. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 9 (55), 1042-1054.

DOI: 10.35631/IJEPC.955070

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



**Abstrak:**

Penghayatan akhlak dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Malaysia sering dikaitkan dengan isu disiplin, pengaruh media sosial, dan kurangnya bimbingan nilai murni. Apakah hal ini turut mengaitkan pelajar yang sememangnya berada dalam Kelas Aliran Agama (KAA) yang sememangnya menerima pendedahan syariah islamiah? Kekurangan kajian lepas menjadi landasan kepada kajian ini dijalankan. Pendekatan kuantitatif telah digunakan dalam kajian ini. Analisis deskriptif melaporkan demografi dan tahap penghayatan akhlak pelajar. Data dikumpulkan melalui soal selidik yang diedarkan kepada 316 pelajar dari lima buah sekolah yang menawarkan KAA di sekitar Kota Kinabalu, Sabah. Soal selidik yang digunakan adalah Penghayatan Akhlak yang mempunyai 41 item dengan 5 Skala likert. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar KAA secara umumnya menunjukkan tahap penghayatan akhlak yang tinggi dengan penekanan pada nilai-nilai seperti mempercayai Rukun Iman, dan akhirnya dapat menghayati pelaksanaan rukun Islam. Kajian ini diharapkan dapat memberikan panduan berguna untuk pelajar dan pihak sekolah dalam memperkukuhkan program pendidikan akhlak di masa hadapan.

**Kata Kunci:**

Akhlak, Analisis Deskriptif, Kelas Aliran Agama (KAA), Pelajar Sekolah.

**Abstract:**

The appreciation of moral values among secondary school students in Malaysia is often associated with issues of discipline, social media influence, and a lack of guidance on core values. Does this also apply to students in Islamic Religious Stream Classes (KAA), who are already exposed to Islamic syaria? The lack of previous studies serves as a basis for conducting this research. A quantitative approach was employed in this study. Descriptive analysis was used to report the demographic characteristics and the level of moral appreciation among students. Data were collected through questionnaires distributed to 316 students from five schools offering KAA in the Kota Kinabalu area, Sabah. The questionnaire used was the Moral Appreciation Scale, consisting of 41 items with a 5-point Likert scale. The findings revealed that KAA students generally demonstrated a high level of moral appreciation, emphasizing values such as belief in the Pillars of Faith and the application of the Pillars of Islam. This study is expected to provide useful guidance for students and schools in strengthening moral education programs in the future.

**Keywords:**

Moral, Descriptive Analysis, Religious Class (KAA), School Students.

**Pengenalan**

Proses penghayatan akhlak dalam kalangan pelajar yang belum mencapai usia dewasa menerusi pendidikan formal seringkali dilaksanakan di sekolah. Keterlibatan pelbagai pihak secara kolektif menjadi penggerak kepada kejayaan yang lebih bermakna kepada seseorang pelajar itu sesuai dengan Falsafah Pendidikan Negara yang mahukan kemenjadian pelajar secara holistik yang tentu sahaja dari segi rohani selain dari segi jasmani, emosi dan intelektual. Tidak dinafikan, keperluan penghayatan akhlak ini turut digembleng oleh pendidikan secara tidak formal khususnya oleh ibu bapa di rumah (Ghazali dan rakan-rakan, 2016). Sebagaimana Rasulullah S.A.W telah bersabda:

*“Bahawa setiap bayi yang lahir ke dunia ini dalam keadaan fitrah (suci), maka kedua orang tuanyalah yang akan menjadikannya sebagai seorang Yahudi, Nasrani atau majusi”*, (Sahih Ibnu Hibban, bab al-Fitrah:jil.1: no.132)

Berdasarkan hadis berkenaan, ibu bapa adalah orang pertama yang memberikan pelajaran kepada anaknya. Jika ditanam pada diri, ajaran dan nilai keislaman, maka mereka akan menjadi orang Islam yang baik. Itulah yang disebutkan oleh Saidina Umar kepada seorang ayah yang mengadu kepadanya kerana anaknya telah menderhaka kepadanya. Saidina Umar berkata, “Sebelum anakmu menderhakaimu, kamu lebih dahulu derhaka kepadanya.”

Rasulullah S.A.W merupakan Qudwah Hasanah yang terbaik sebagai *role model* Muslim dalam pelaksanaan ibadah dan juga penghayatan akhlak. Firman Allah dalam surah al-Ahزاب ayat 21 yang bermaksud:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَن كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا  
" Sesungguhnya pada diri Rasulullah itu sebaik-baik teladan bagi kamu (untuk diikuti) iaitu bagi orang yang mengharap

*(keredhaan) Allah dan (kemuliaan hidup) di akhirat dan orang yang banyak mengingati Allah".*

Firman Allah SWT ini dengan jelas menerangkan kepada kita bahawa Rasulullah S.A.W adalah contoh ikutan terbaik untuk kita bagi menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Dengan kata lain, Rasulullah adalah contoh utama bagi kita, umat Islam. Pada diri Rasulullah itu terletak contoh pemimpin yang baik, bapa yang baik, suami yang baik, jiran yang baik, peniaga yang baik, sahabat yang baik dan banyak lagi. Pendek kata, kita selaku umat Islam tidak perlu mencari-cari peribadi atau Qudwah Hasanah daripada tokoh-tokoh lain untuk dicontohi dan diikuti selain daripada Rasulullah S.A.W. Ini kerana umat Islam telah pun dibekalkan dengan contoh keperibadian yang terbaik yang merangkumi segenap aspek sehinggakan Saidatina Aisyah sendiri memberitahu bahawa akhlak Rasulullah adalah al-Quran.

Dalam konteks pelajar sekolah yang tergolong dalam kalangan remaja, rata-rata masih meneruskan pendidikan mereka di sekolah menengah kebangsaan atau setaraf. Agak mengejutkan apabila ramai dalam kalangan mereka terlibat dengan kepelbagaian masalah sosial sekaligus meningkatkan statistik keruntuhan akhlak seperti buli, seks bebas, dan sebagainya (Hussin dan rakan-rakan, 2020; Wan Ismail dan rakan-rakan, 2023). Mereka cenderung terpengaruh dengan kepelbagaian anasir luar yang boleh mengganggu gugat akhlak yang sedia ada. Kebanjiran idol-idol yang tidak berlandaskan syariah, rangkaian media sosial yang menyediakan hiburan dan input yang melalaikan, masalah sosial yang semakin meningkat memberikan cabaran kepada pelajar yang masih ragu akan identiti diri, serta kurang bertanggungjawab terhadap orientasi amal maaruf nahi mungkar. Oleh itu keperluan mengenalpasti penghayatan akhlak mereka pada kehidupan zaman modenisasi ini adalah penting.

Kelas Aliran Agama (KAA) di sekolah-sekolah harian cenderung mengurangkan kebimbangan masyarakat akan penglibatan pelajar dalam tingkah laku berisiko. Ini disebabkan struktur pengkhususan pengajaran Islamiyah ditawarkan pada aliran ini. Walau bagaimanapun, masyarakat belum boleh menarik nafas lega kerana agak kurang kajian yang menampilkan pelajar KAA sebagai sampel dalam kajian berkaitan penghayatan akhlak. Sedangkan mereka juga sebagai pelajar remaja turut tidak terlepas daripada pengaruh-pengaruh negatif di sekeliling mereka. Oleh kerana itu, kajian ini sangat sesuai dijalankan.

### **Kajian Literasi.**

Penghayatan adalah lebih menjurus kepada penghayatan pelajar terhadap akhlak yang mereka terapkan dalam kehidupan seharian. Penghayatan akhlak ini sebenarnya akan membantu dalam proses membentuk keperibadian dalam diri setiap insan agar dapat mematuhi ajaran dalam agama Islam. Dalam konteks kajian ini, penghayatan sebagai pemahaman dan penerimaan pelajar dalam melalui suatu proses pembelajaran yang berkaitan dengan akhlak yang dipupuk dalam kalangan pelajar. Akhlak sebagai kelakuan, moral dan juga etika seseorang pelajar dalam kehidupan seharian pelajar menjadi fokus kepada kajian yang dijalankan.

Jika ditinjau pada definisi yang terdapat dalam Kamus Dewan Ketiga (2002), penghayatan adalah merujuk kepada perihal menghayati di mana istilah menghayati adalah bermaksud mengalami dan merasai di dalam batin. Manakala menurut Hassan Langgulung, penghayatan adalah salah satu proses pembelajaran yang melibatkan konteks sosial, di mana manusia ataupun perkara-perkara tertentu dijadikan sebagai perangsang bagi seseorang dalam

mengamalkan ataupun menghayati sesuatu nilai-nilai tertentu (Othman dan rakan-rakan, 2015).

Sementara itu, akhlak memberi fokus kepada perbuatan dan tingkah laku seseorang yang dilakukan dengan mendukung akhlak yang digalakkan dalam Islam. Penekanan konsep akhlak ini adalah amat penting dalam melahirkan modal insan yang berilmu pengetahuan. Menurut Ibn Manzur (Izzah Nur Aida dan rakan-rakan, 2018), akhlak ataupun personaliti boleh diertikan sebagai tingkah laku seseorang individu yang telah menjadi kebiasaan ataupun tabiat. Tambah beliau lagi, tabiat ini akan menjadi satu gambaran untuk mengenali zahir dan batin seseorang. Bagi al-Ghazali dan Ibn Miskawayh, akhlak adalah suatu keadaan bagi *al-nafs* yang tetap dalam diri atau jiwa yang mendorong manusia melahirkan tindakan, perlakuan, perilaku atau amalan dengan mudah tanpa memerlukan pemikiran (Shafie dan Othman, 2017). Manakala menurut Abdul Al-Karim Zaydan ada menyebut bahawa keseluruhan Islam adalah pada intipatinya iaitu akhlak (Mohd Noor, 2014),

Dari aspek etimologi, “al Akhlak” adalah merupakan jama’ daripada “al Khuluq”. Menurut Abu Abdirrahman al Khalil bin Ahmad al-Farahidi di dalam Kitâbul ‘Ain, Tahqiq yang dipetik daripada Makhzumi, ianya memberikan banyak makna, iaitu ath Thabi’ah atau ath Thab’u (tabiat). Manakala Ibnu Manzhur di dalam Lisanul ‘Arab ada menjelaskan bahawa “al Khuluq” mempunyai perkaitan makna yang sama dengan ad Dîn (agama) dan menurut Muhammad bin Mukarram bin Manzhur al Afriqi al Mishri di dalam Lisanul ‘Arab mengatakan perkataan tersebut sebagai as Sajiyyah (perangai).

Manakala dari aspek terminologi, Hujjatul Islam Abu Hamid al Ghazali telah mendefinisikan terma akhlak sebagai sebuah ungkapan mengenai keadaan yang berada di dalam jiwa seseorang individu, dimana semua tingkah laku seseorang itu adalah berpunca daripada keadaan hati tersebut tanpa memerlukan sebarang proses untuk berfikir (Syafa’atul Jamal, 2017). Apabila keadaan jiwa individu itu menjadi sumber kepada perbuatan-perbuatan yang baik, mulia dan terpuji tidak kira secara akal dan juga secara syariat, maka keadaan tersebut dirujuk sebagai suatu akhlak yang baik, dan begitu juga sebaliknya.

Menurut Ibnu Miskawaih yang merupakan tokoh falsafah muslim pertama yang membahaskan tentang akhlak dan juga telah mendefinisikan akhlak sebagai suatu kondisi jiwa yang mendorong seseorang muslim untuk melakukan ataupun bertindak melakukan sesuatu tanpa berfikir (Shafie dan Othman, 2017). Pendapat ini selari dengan penjelasan definisi al-Jahizh yang juga telah menjelaskan bahawa akhlak boleh didefinisikan dengan keadaan jiwa manusia di mana manusia akan melakukan sesuatu perlakuan tanpa proses merenung, berfikir dan memilih (Kurniawan, 2017). Selain itu, Abdurrahman al Maidani di dalam artikel yang sama, mendefinisikan akhlak sebagai sifat yang terletak di dalam diri dan jiwa seseorang manusia sama ada ia sememangnya pembawaan seseorang ataupun diperoleh dengan sesuatu usaha dan ianya akan mempengaruhi perangai dan perilaku seseorang individu itu samaada baik atau buruk.

Selain itu, Ahmad Amin turut berpendapat bahawa sesuatu kemahuan yang telah dibiasakan di dalam tingkah laku seseorang dan sering diulang-ulang dan berkekalan, maka ianya akan sesuatu akhlak kepada individu tersebut (Safar dan rakan-rakan, 2012).

Melalui penjelasan di atas dan melalui semua definisi-definisi akhlak tersebut, dapat disimpulkan bahawa akhlak mempunyai 3 ciri, iaitu:

- i. Perbuatan yang telah terpahat kuat di dalam jiwa seseorang individu sehingga ianya telah menjadi karakter individu tersebut.
- ii. Perbuatan yang dilaksanakan dengan mudah tanpa memikirkan apa-apa mengenai perbuatan tersebut.
- iii. Perbuatan yang muncul dari dalam diri seseorang individu yang melakukannya, tanpa sebarang paksaan mahupun tekanan dari luar.

Melalui hasil perbincangan mengenai konsep akhlak yang telah dijalankan sebelum ini, kajian ini juga tidak mengeneipkan pandangan daripada ahli sarjana tersohor iaitu Imam Al-Ghazali. Menurut pendapat Imam Al-Ghazali akhlak boleh didefinisikan sebagai sifat yang telah tertanam di dalam jiwa seseorang tanpa memerlukan sesuatu pertimbangan, di mana sifat tersebut akan menjadi pendorong kepada seseorang itu untuk melakukan perbuatan yang baik ataupun perbuatan yang buruk (Shafie dan Othman, 2017). Malah beliau berpendapat bahawa penghayatan akhlak oleh seseorang individu tersebut akan menentukan kemuliaan dan kehinaan individu tersebut (Ahmad dan rakan-rakan, 2017). Menurut Yusof Al-Qardhawi di dalam menerangkan bahawa akhlak nilai-nilai luhur yang diyakini iman, agama dan syariatnya akan membina masyarakat Islam malah pembentukan jati diri pada usia remaja juga mampu membina negara yang cemerlang (Fatmi, 2010).

Imam Al-Ghazali amat tegas dalam membincangkan mengenai perubahan akhlak seseorang individu, di mana beliau telah menolak pendapat yang mengatakan bahawa sikap mahupun akhlak itu tidak akan dapat berubah. Beliau telah mengemukakan dua pendapat, di mana akhlak adalah berbentuk batin dan tidak seperti al khalqu yang berbentuk zahir yang mana ianya di dalam bentuk fizikal yang tidak dapat diubah. Selain itu, Imam Al-Ghazali juga telah menjelaskan bahawa akhlak seseorang itu dapat diubah melalui didikan seperti nasihat, tunjuk ajar dan juga melalui usaha yang berterusan bagi membolehkan seseorang itu mengekang hawa nafsu dan mengawal emosi ataupun menahan syahwatnya.

Justeru itu, Imam Al-Ghazali turut memberikan hujah mengenai cara untuk mendidik akhlak dengan cara mujahadah melawan hawa nafsu. Beliau juga memberikan pendidikan penghayatan akhlak yang baik bagi membolehkan ibu bapa dapat mengendalikan perilaku hal anak-anak disamping mendorong naluri yang wujud secara semula jadi seperti nafsu syahwat dan emosi anak-anak mereka kepada tahap yang normal serta terkawal. Hal ini kerana Imam Al-Ghazali berpendapat, bahawa penghapusan hawa nafsu dan juga emosi secara total akan memberikan implikasi kesan yang negatif dan buruk memandangkan kedua-dua unsur ini adalah amat penting dalam kehidupan manusia sejagat.

### **Teori Dalam Kajian**

Konsep pemikiran al-Ghazali adalah berkaitan dengan akhlak yang meliputi perkembangan akal dan budi. Ia sebenarnya mampu membentuk watak dan perwatakan yang baik dalam diri seseorang individu itu (al-Ghazali, 1967). Beliau juga menegaskan bahawa segala yang berlaku sebenarnya berdasarkan kepada kefahaman yang ada dan mengamalkan apa yang difahami. Antara konsep pemikiran beliau yang bersesuaian dengan kajian ini adalah seperti berikut:

- i) Memberikan penekanan dalam ilmu pengajaran dan pembelajaran secara menyeluruh. Ini ditunjukkan dengan persekitaran pelajar itu sendiri akan bagaimana menerapkan akhlak yang baik.



- ii) Membezakan yang haq dan yang batil. Penghayatan akhlak melalui teladan dan sumber yang ada disekeliling mereka terkait dengan cara hidup berlandaskan iman, Islam dan ihsan.
- iii) Semua manusia adalah khalifah maka dengan itu, pelajar perlu menghayati syariah Islamiah dan mengamalkan ajaran Islam.

### Metodologi Kajian

Kajian ini adalah bersifat kuantitatif dan menggunakan kaedah tinjauan. Soal selidik menjadi instrumen untuk mendapatkan maklumat responden. Kajian tinjauan dianggap terbaik apabila sesuatu kajian itu memerlukan pungutan data daripada suatu populasi yang besar (Babbie, 2001).

Bagi menentukan jumlah sampel, aras signifikan yang digunakan untuk menguji hipotesis telah ditetapkan dalam kajian ini ialah  $p < .05$ . Berlandaskan jadual penentuan sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970), bagi jumlah populasi seramai 360 orang, sampel yang dipilih untuk kajian perlulah tidak kurang daripada 186 orang. Dalam kajian ini, jumlah populasi pelajar kaa adalah seramai 358 pelajar dan sampel yang digunakan adalah 316 pelajar iaitu jumlah yang melebihi daripada paras minimum yang ditetapkan. Sampel yang dipilih menggunakan persampelan rawak mudah agar tiada unsur bias berlaku. Kaedah cabutan nombor pelajar digunakan bagi melengkapkan kaedah persampelan ini.

Instrumen penghayatan akhlak telah dibangunkan oleh Ismail (2009), selaras dengan tujuan kajian beliau yang mengkaji pemboleh ubah penghayatan akhlak di sekolah menengah kebangsaan di Malaysia. Instrumen ini adalah satu set soal selidik yang menyenaraikan sikap berakhlak pelajar sekolah menengah berdasarkan konstruk akhlak dari ayat-ayat al-Quran. Konstruk ini menggabungkan konsep akhlak yang merujuk kepada akhlak peribadi, akhlak sosial dan akhlak agama sebagaimana yang dirumuskan oleh Darraz (Ismail, 2009). Soal selidik ini juga menggunakan skala pengukuran Skala Likert 5 mata iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju.

Ciri-ciri utama akhlak Islam yang terdapat dalam instrument kajian ini merangkumi aspek kesedaran terhadap tujuan dan kesan bagi setiap amalan; kebaikan dan kesopanan dalam pergaulan; keutamaan kepada kesucian dan kebersihan tubuh badan, tempat dan pakaian; nilai kecantikan, ketertiban dan kerendahan hati; menghindari dari menyakiti dan membahayakan orang lain; mengutamakan diam dari percakapan yang sia-sia; menghormati dan menghargai orang lain; berdikari dan tidak menyusahkan orang lain; bersederhana dalam kehidupan; bersyukur kepada Allah terhadap ujian dan nikmat daripada Allah dan berterima kasih kepada pertolongan manusia; menghindari daripada meniru budaya dan agama lain; ketaatan kepada orang lain selagi tidak bercanggah dengan ajaran Islam; mengutamakan bahagian kanan dalam memberikan sesuatu, berjabat tangan, makan, minum dan seumpama dengannya; mengekalkan identiti jantina dalam segala aspek; mengutamakan disiplin yang menyumbang kepada keharmonian kehidupan; dan mengutamakan prinsip-prinsip keanjalan dan toleransi selama mana tidak bercanggah dengan Islam.

### Hasil Kajian

Butiran berkaitan demografi responden khususnya jantina dan tempat tinggal pelajar ditunjukkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1: Maklumat Demografi Responden.**

Item	Kekerapan (N=310)	Peratus (%)
Jantina		
Perempuan	223	71.6
Lelaki	93	28.4
Pelajar Tinggal Bersama		
Ibu dan bapa	275	87.0
Ibu sahaja	22	7.0
Bapa sahaja	5	1.6
Lain-lain	14	4.4

Jumlah pelajar perempuan yang terlibat sebagai sampel adalah 223 orang berbanding pelajar lelaki iaitu hanya 93 orang sahaja. Majoriti pelajar terdiri dari mereka yang masih tinggal dengan ibu bapa. Data yang dianalisis menunjukkan seramai 275 orang pelajar atau 87.0 peratus tinggal bersama ibu bapa mereka. Jumlah kedua tertinggi adalah dalam kalangan 22 orang pelajar yang tinggal bersama ibu sahaja yang mencatatkan 7 peratus. Sementara pelajar yang tinggal dengan bapa sahaja adalah terdiri daripada 5 orang iaitu bersamaan dengan 1.6 peratus. Terdapat juga segelintirpelajar yang tinggal dengan ibu bapa angkat, ibu dan bapa saudara dan rumah kebajikan. Kelompok pelajar ini terdiri daripada 14 orang dan mencatatkan 4.4 peratus.

Analisi Min dan Sisihan Piawai (SD) telah digunakan bagi mengetahui tahap penghayatan akhlak pelajar. Dapatan kajian ditunjukkan dalam Jadual 2.

**Jadual 2: Tahap Penghayatan Akhlak Berdasarkan Item**

NO	ITEM	MIN	SD
1	Saya berfikir dan memerhati tanda-tanda kebesaran Allah pada diri dan alam pada setiap masa	4.02	.86
2	Saya berdoa dengan mengharapkan kasih sayang Allah.	4.49	.75
3	Saya berhati-hati dalam setiap tindakan dan tingkahlaku kerana takut mengundang kemarahan Allah.	3.96	.83
4	Saya patuhi sesuatu hukum walaupun saya terpaksa meninggalkan perbuatan kegemaran saya.	3.69	.98
5	Saya mendirikan sembahyang hanya sekadar melengkapkan rutin harian saya.	1.97	1.13
6	Saya meninggalkan ajaran Islam apabila ia tidak sesuai dengan kemahuan saya.	1.28	.78
7	Saya percaya ada kuasa lain selain Allah yang boleh menyembuhkan penyakit manusia.	1.28	.97
8	Saya perlu melaksanakan perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya dengan hati yang terbuka.	4.49	.83
9	Saya mengutamakan perintah Allah dan Rasul-Nya dari keperluan diri saya sendiri.	3.97	.99
10	Saya mengucapkan salam apabila bertemu rakan-rakan dan guru-guru di mana-mana sahaja.	4.06	.95

11	Saya suka beramal dengan sunnah nabi.	3.77	.92
12	Saya menunaikan solat fardu lima waktu sehari semalam.	3.66	1.14
13	Saya melakukan hubungan seks bebas.	1.14	.64
14	Saya menutup pandangan saya dari melihat aurat wanita (bagi lelaki) / aurat lelaki (bagi wanita).	3.45	1.25
15	Saya merasai kehadiran malaikat.	3.18	1.31
16	Saya percaya semua perbuatan baik atau buruk yang kita lakukan dicatat oleh malaikat yang ditugaskan oleh Allah.	4.78	.73
17	Saya mengambil sesuatu barang walaupun ia bukan milik saya.	1.65	.91
18	Saya bercakap tentang keaiban dan keburukan orang lain tanpa pengetahuan teman berkenaan.	2.37	1.10
19	Jika tersilap atau terjebak dengan perbuatan dosa, saya segera memohon keampunan (dari Allah dan mereka yang berkenaan) dan mencari jalan memperbetulkan keadaan tersebut.	1.00	.90
20	Saya sedar tentang kewujudan syaitan.	4.64	1.86
21	Saya yakin segala bisikan ke arah kejahatan datang dari syaitan.	4.68	.69
22	Membaca al-Quran dapat menenangkan hati saya.	4.87	2.72
23	Saya berasa sedih apabila al-Quran dihina dan dibakar.	4.74	.74
24	Saya gemar mendengar lagu-lagu rentak terkini berbanding bacaan al-Quran.	3.07	1.18
25	Kita bebas untuk mengikut atau tidak mengikut ajaran al-Quran.	1.67	1.13
26	Kita bebas untuk mengikut atau tidak mengikut ajaran al-Quran.	3.69	1.07
27	Saya membeli pakaian atau makanan sekadar yang saya perlukan sahaja.	3.89	1.02
28	Saya mempertahankan pendirian saya walaupun menghadapi pelbagai ancaman.	3.98	1.00
29	Saya tidak merasa kesal apabila saya meninggalkan sembahyang.	1.96	1.22
30	Bagi saya, dunia adalah segala-galanya.	1.74	1.14
31	Saya berfikir tentang keadaan yang akan saya alami selepas mati.	4.30	2.01
32	Saya tidak merasa apa-apa kesan dalam jiwa apabila berlaku sesuatu bencana alam yang dahsyat seperti banjir, kemarau atau gempa bumi.	2.09	1.27
33	Saya mengajak rakan-rakan saya melakukan kebaikan	3.97	.87
34	Saya takutkan azab Allah di dunia dan di akhirat.	4.73	.69
35	Saya mencegah rakan-rakan dari melakukan perkara maksiat.	3.92	1.04
36	Saya terus berusaha untuk mencapai sesuatu matlamat walaupun menghadapi berbagai rintangan.	4.16	.85
37	Saya mengingatkan diri saya bahawa segala yang berlaku ada hikmah dan kebaikannya dari Allah.	4.61	.73
38	Saya merasakan segala usaha saya yang gagal adalah sia-sia.	2.55	3.31
39	Saya membalas cacian terhadap diri saya dengan senyuman dan doa untuk orang yang mencaci saya.	3.31	1.07
40	Saya menghormati kebolehan orang lain biar bagaimanapun pencapaian mereka.	4.23	.85
41	Saya mengeluh dan merungut apabila ditimpa penyakit.	2.31	1.07



Berdasarkan paparan pada Jadual 2, analisis min menunjukkan sebanyak 22 item berada di tahap tinggi iaitu item 1, 2, 3, 4, 8, 9, 10, 11, 16, 20, 21, 22, 23, 26, 28, 31,33,34,35,36,37 dan 40. Tiga item yang mempunyai nilai min tertinggi adalah item 16 iaitu “Saya percaya semua perbuatan baik atau buruk yang kita lakukan dicatat oleh malaikat yang ditugaskan oleh Allah”, item 23 “Saya berasa sedih apabila al-Quran dihina dan dibakar” dan item item 34 iaitu “Saya takutkan azab Allah di dunia dan di akhirat”.

Manakala sebanyak tujuh item yang berada di tahap sederhana iaitu item 12,14,15,18,24,38 dan 39. Tiga item teratas yang menunjukkan tahap sederhana adalah item 12 iaitu “Saya menunaikan solat fardu lima waktu sehari semalam”, item 14 iaitu “Saya menutup pandangan saya dari melihat aurat wanita (bagi lelaki) / aurat lelaki (bagi wanita)” dan item 39 iaitu “Saya membalas cacian terhadap diri saya dengan senyuman dan doa untuk orang yang mencaci saya”.

Selanjutnya adalah item-item yang berada pada tahap rendah adalah sebanyak 12 item iaitu item 5,6,7,13,17,19,25,27,29,30,32 dan 41. Tiga item terendah adalah item 7 iaitu “Saya percaya ada kuasa lain selain Allah yang boleh menyembuhkan penyakit manusia”, item 13 iaitu “Saya melakukan hubungan seks bebas” dan item 6 iaitu “Saya meninggalkan ajaran Islam apabila ia tidak sesuai dengan kemahuan saya”.

Seterusnya adalah dapatan kajian berkaitan tahap keseluruhan penghayatan akhlak pelajar yang dipaparkan dalam Jadual 3.

**Jadual 3: Tahap Keseluruhan Penghayatan Akhlak**

Tahap	Kekerapan	Peratus	Min	Sisihan Piawai
Rendah	0	0	4.51	0.27
Sederhana	271	85.7		
Tinggi	45	14.3		

Berdasarkan Jadual 3, didapati kekerapan penghayatan akhlak pelajar adalah di tahap yang sederhana iaitu seramai 271 orang atau bersamaan dengan 85.7 %. Walau bagaimanapun nilai min secara adalah di tahap yang tinggi iaitu min 4.51 dan sisihan piawai 0.27.

### Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan penghayatan akhlak pelajar berada di tahap yang tinggi iaitu pada nilai min 4.51 dan nilai sisihan piawai 0.27. Ini bermakna pelajar KAA mempunyai penghayatan akhlak yang tinggi. Hal ini bersamaan dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Mohd Nasir dan rakan-rakan (2010), yang mendapati bahawa tahap penghayatan pelajar adalah tinggi. Hal ini disebabkan oleh terdapat pelbagai faktor lain yang menyokong perkembangan pembelajaran pelajar berkenaan dengan akhlak seperti persekitaran sekolah dan pengaruh daripada rakan sebaya. Ini bertepatan dengan apa yang dibincangkan oleh Mohd Noor (2014), beliau menyatakan bahawa melalui sistem pendidikan di sekolah mampu melahirkan nilai-nilai kerohanian dan akhlak yang berupaya membantu individu tersebut mempunyai suatu identiti dan membantu para pelajar untuk menghadapi pelbagai ancaman dalaman mahupun luaran. Derani,(2004) walaubagaimanapun menekankan bahawa institusi keluarga merupakan elemen yang penting dalam pendidikan akhlak.

Dalam sebuah hadis Rasulullah SAW juga menekankan tentang kepentingan budi pekerti yang baik sebagai cerminan penghayatan akhlak yang mulia bagi setiap individu seperti berikut:

*"Tidak ada akal seperti akal yang dipergunakan untuk berfikir. Dan tidak ada sifat wara' seperti menahan diri(daripada larangan). Dan tidak ada kehormatan diri seperti kehormatan yang timbul dari budi pekerti yang baik". (Manahij al-Muhaddithin, 2016)*

### **Implikasi Kajian**

Kajian ini juga mempunyai kepentingan dari pelbagai aspek di mana ia turut merangkumi kepentingan pelajar dan ibu bapa, pihak pentadbiran sekolah, kakitangan pengajar dan juga para pengkaji di dalam bidang ilmiah pada masa akan datang.

### ***Pelajar dan Ibu Bapa***

Kajian sebelum ini kurang menggunakan sampel pelajar kelas aliran agama (KAA) di sekolah menengah harian biasa di mana pelajar-pelajar ini lebih terdedah dengan peranan ibu bapa sewaktu berada dirumah berbanding pelajar di SMKA yang diwajibkan tinggal diasrama. Kajian ini diharapkan dapat membantu pelajar untuk mengenalpasti tahap penghayatan akhlak mereka dan sejauh manakah penghayatan tersebut telah memberikan impak kepada mereka.

Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat membantu pelajar untuk mempertingkatkan lagi tahap penghayatan akhlak mereka. Malah, kajian ini juga dapat dijadikan panduan dalam membina modul latihan kepada organisasi NGO, komuniti, sosial dan individu perseorangan. Ia juga dapat membantu para ibu bapa untuk mendidik anak-anak mereka agar sentiasa peka akan tanggungjawab mereka untuk selalu patuh pada ajaran Islam dan membantu ibu bapa untuk sentiasa mengambil berat tentang perkembangan sosial emosi anak-anak mereka.

### ***Kepentingan kepada Bidang Ilmiah.***

Kajian ini diharapkan dapat membuka ruang kepada pengkaji untuk mengenal pasti dan memahami salah satu daripada aspek pengurusan sumber manusia iaitu psikologi dan kelakuan pelajar. Kajian ini dapat membantu meningkatkan ilmu kepada pengkaji akan datang untuk mengetahui sejauh mana penghayatan tersebut boleh meningkatkan akhlak dalam kalangan pelajar yang terlibat dalam kajian yang dijalankan ini. Selain itu, kajian ini juga boleh dijadikan sebagai sumber rujukan dan pencetus kepada idea-idea serta penemuan baru kepada para pengkaji lain di masa yang akan datang.

### **Kesimpulan**

Secara keseluruhan, berdasarkan kepada dapatan dan perbincangan kajian, penyelidik telah mendapati bahawa kesemua objektif kajian telah terjawab kajian yang akan datang perlu diberi tumpuan dalam kalangan pelajar dalam sistem pendidikan yang lebih meluas.

Penghayatan akhlak, akidah serta pengajaran berkenaan syariat dalam agama seperti solat di samping membina akhlak peribadi berteraskan akhlak Islam perlu dititik beratkan. Ia selaras dengan perintah Allah SWT dan ditunjukkan oleh Rasulullah SAW dalam penghayatan akhlak dalam kehidupannya. Sejak 15 kurun lalu, Islam sudah meletakkan anak-anak sebagai aspek yang perlu diberi perhatian utama.

Sabda Rasulullah S.A.W :

لَيْسَ مِنَّا مَنْ لَمْ يَرْحَمْ صَغِيرَنَا وَيُوقِرْ كَبِيرَنَا وَيَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ

Ibnu Abbas berkata: "Rasulullah SAW bersabda: "*Tidak termasuk golongan kami orang yang tidak menyayangi anak kecil kami dan tidak menghormati orang tua kami, tidak memerintahkan kebaikan dan tidak melarang kemungkaran*". Hadis Muhammad bin Ishaq dari Amr bin Syuaib adalah hadis *hasan sahih*. Dan diriwayatkan juga dari Abdillah bin Amr dengan selain sanad ini sebahagian orang ahli ilmu berkata: "Erti sabda Rasulullah SAW: *adalah tidak termasuk tingkah laku kami*", dia berkata: "*Tidak termasuk perangai kami,*" (HR At-Tarmizi Jilid 4. Hadis Nombor 1921)

Manakala, Imam Ghazali berkata:

*"Anak adalah amanah Allah bagi kedua-dua orang tuanya. Hatinya (anak) berkilau bagaikan mutiara yang indah, bersih daripada setiap coretan atau lukisan, menerima setiap ukiran, cenderung ke mana saja yang diarahkan. Jika dibiasakan belajar dengan baik, ia akan tumbuh menjadi baik, beruntung di dunia dan di akhirat. Kedua-dua orang tua, semua guru, pengajar dan pendidiknya sama-sama akan mendapat pahala. Dan jika ia dibiasakan melakukan keburukan dan diabaikan sebagaimana mengabaikan haiwan, ia akan celaka dan rosak, dosanya menimpa pengasuh dan orang tuanya."* (Ahmad, 2018)

Sehubungan dengan itu, kajian tentang penghayatan akhlak dalam kalangan pelajar di beberapa buah sekolah kelas aliran agama di sekitar Kota Kinabalu signifikan dijalankan. Ini kerana pembentukan akhlak adalah merupakan matlamat yang utama di dalam syariat Islam bagi mewujudkan kehidupan umat Rasulullah S.A.W yang berakhlak mulia dan seterusnya melahirkan masyarakat yang bersatu hati, aman damai serta harmoni. Perkara tersebut turut disokong oleh Prof. Dr. Yusof Al Qaradhawi, seorang sarjana dan pemikir Islam yang tersohor (Mohd Zawawi, 2016) beliau berkata;

*" Apabila kita hendak melihat wajah negara pada masa hadapan, lihatlah generasi mudanya pada hari ini, sekiranya golongan muda pada hari ini adalah dari kalangan yang berakhlak dan berhemah tinggi, tentunya negara kita akan datang adalah sebuah negara yang aman makmur".*

### **Penghargaan**

Kajian ini adalah sebahagian daripada pembolehubah dalam kajian pengarang utama di peringkat Sarjana di Universiti Malaysia Sabah. Selain itu, tiada potensi konflik kepentingan dilaporkan oleh pengarang dan rakan pengarang yang lain.

### **Rujukan**

- Al-Awamreh, M. H. (2016). Al-Imam Al-Ghazali's View of Moral Education: Its Purposes and Pillars. *US-China Education Review*, 6 (5), 311-317.
- Al-Bayhaqī, A. (1994). *Sunan al-Bayhaqī al-Kubrā*. Makkah: Maktabat Dār al-Bāz
- Al-Bukhari, M.I. (1980). *Sahih al-Bukhari*. Kaherah: al-Maktabat al-Salafiyyah.
- Al-Ghazali, A.H.M. (1967), *Ihya' Ulum al-din*, Juzuk 3, Kaherah, Muassasah al-JablaWa al-Syawkah
- Ahmad, A. & Tamuri.A.H. (2005). *Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah*. Seminar Penyelidikan Pendidikan MPBL 2005. Kuching, Sarawak. 15-16 September. Anjuran

- Kementerian Pelajaran Malaysia.  
<https://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/seminarpapers/2005/azharUKM.pdf>  
Diakses pada 23 Feb. 2019
- Ahmad, S.A., Elias, Z.A., & Mormin, R. (2017). Keberkesanan Peranan Guru Dalam Penghayatan Akhlak Pelajar Menurut Imam Al Ghazali. Kertas kajian dibentangkan di 4<sup>th</sup> *International Conference On Human Sustainability*. The Mudzaffar Hotel, Melaka. 1-2 November. <https://ocs.uthm.edu.my/uthmocr/index.php/article/view/133>. Diakses pada 15 Mac 2019.
- Ahmad, H. (2018). Jaga Keluarga dari Api Neraka. Mymetro. <https://www.hmetro.com.my/addin/367842>. Diakses pada 15 Mac 2019.
- Babbie, E. R. (2001). *The Practice of Social Research*. (8th ed). Belmont California: Wadsworth Publishing Group.
- Derani, D. (2004). Persepsi Ibu Bapa Terhadap Faktor-Faktor Keruntuhan Akhlak Remaja Islam Masa Kini: Satu Tinjauan di Taman Aman Anak Bukit, Alor Setar Kedah. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. (Tesis Ijazah Sarjana Muda). <https://www.fp.utm.my/epusatsumber/pdf/fail/000467>. Diakses pada 15 Mac 2019.
- Fatmi N. (2010). Pendidikan Tamadun Islam Dalam Menangani Berbilang Budaya di Malaysia, Satu Tinjauan. *International Conference on Learning Diversity*.
- Ghazali, N., Abdul Razak, K., & Lubis Abdin, M.A. (2016). Metod Didikan Ibu Bapa dalam Pembentukan Akhlak. Falsafah Dan Pedagogi Pendidikan Islam. *Falsafah dan Pedagogi Pendidikan Islam*. <https://www.researchgate.net/publication/322652886> Diakses pada 15 Mac 2019.
- Husin, M. R., Mat Isa, N., Abdul Rahim, N. H. M., Wan Izham, W.N.I., Bakeri, N.A.I., Shamsul Anuar, F.N., Mohbob, N. (2020), *Journal of Humanities and Social Sciences* p-ISSN: 2721-804X, e-ISSN: 2721-8104, 2020 | *Journal of Humanities and Social Sciences* | Vol.2 | Issue No.1 | 22-33
- Ismail, A.M. (2009). Pengaruh Akidah Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia. Tesis Doktor Falsafah. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Imam Al Ghazali. (1997). *Tahzib Ihya' Ulumuddin*. (Abdul Salam Harun, Ed.) (Cetakan Pertama). Kaherah: Darul Tauzi' Wan Nasyar Al-Islamiah.
- Imam Ibn Hibban, Sahih Ibn Hibban, Kitab al-Iman, Bab al-Fitrah, Fasl Dhikir Khabar Awham man lam Yahkum Sana'ah al Hadith, jil.1, Hal 171, No.132
- Izzah Nur Aida & Hanin, S. (2018). Personaliti Bapa Menurut Perspektif Islam dan Aplikasinya dalam Keluarga. *Islamiyyat*, 40 (1), 61-69
- Jamal, S. (2017). Konsep Akhlak Menurut Ibn Miskawaih. *TASFIYAH Jurnal Pemikiran Islam*, 1 (1), 51-70. <https://ejournal.unida.gontor.ac.id/index.php/tasfiyah>. Diakses pada 15 Mac 2019.
- Kurniawan, S. (2017). Pemikiran Al-Ghazali Tentang Pendidikan Karakter Anak Berbasis Akhlak Al-Karimah. *Pendidikan Karakter Dalam Islam*, 3 (2), 197- 215. <https://media.neliti.com/media/publications/257011>. Diakses pada 3 Mei 2019.
- Kamus Dewan*. Edisi ketiga. 2002. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nasir, B., Ismail, R., Shahrudin, S.A., Sarip, M. M. & Ibrahim, A.F. (2010). *Perkembangan Sosio-Psikologi Dan Akhlak Remaja Melayu (FELDA): Satu Kajian Preliminari*. Latihan Ilmiah. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia & Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

- Mohd Noor, J. (2014) . *Kebrekesanan Akhlak di Sekolah Menengah Kebangsaan di Seremban, Negeri Sembilan*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur. Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement*, 30(3), 607.
- Manahij al-Muhaddithin-Terbitan: Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith. Kuala Lumpur: AkademiPengajian Islam, Universiti Malaya. Cetakan Kedua, 2016: 129-133.
- Othman, M. K., Suhid, A., & Roslan, S. (2015). Penghayatan Nilai Murni Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Masa Kini. *Jurnal Pembangunan Sosial* 18, 1-20. <https://jps.uum.edu.my/images/jps/18/JPS18-1-1.pdf>. Diakses pada 15 Mac, 2019.
- Safar, A.J., Tamuri, A.H, & Che Noh, A. A. (2012). Penghayatan Adab Dan Akhlak Terhadap Alam Sekitar Dalam Kalangan Pelajar Sekolah. *Jurnal Teknologi*, 58, 1-11.
- Shafie, M.K. & Othman, M.K. (2017). Kefahaman Dan Pengamalan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. *Proceedings of the ICECRS*, 1(1), 663-676. <https://repo.uum.edu.my/23133/>. Diakses pada 15 Mac 2019.
- Shafie, M.K. & Othman, M.K. (2016). Kefahaman Dan Pengamalan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016* (pp. 663-676). Sintok: Universiti Utara Malaysia, Malaysia.
- Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., Abdul Mutalib, L., Mamat, Z., Hashim, H., Syed Husin, S. N. M., & Alias, M. A. A. (2023). Kesan Ketiadaan Literasi Digital ke Arah Salah Laku Seksual dalam Kalangan Remaja Muslim di Malaysia: The Effect of the Absence of Digital Literacy on Muslim Adolescent Sexual Misconduct in Malaysia. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 10(1), 91-107. <https://doi.org/10.53840/ejpi.v10i1.97>